



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (dua dari kanan) meneliti senarai juadah yang disajikan di Majlis Sambutan Hari Lahir ke 80 bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman (tiga dari kiri) sambil Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (kiri), isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah (dua dari kiri), isteri Tunku, Tun Shari-fah Rodziah (tiga dari kanan) dan Datin Maria Musa (kanan) tenang menunggu acara dimulakan.

Dr M: Dasar perpaduan nasional diteruskan

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan, kerajaan pimpinannya akan terus memperjuangkan dasar perpaduan nasional yang diwujudkan oleh Tunku Abdul Rahman. Perdana Menteri memberi amaran, sesiapa yang hendak merosak dan merobohkan asas dan infrastruktur nasional itu akan ditentang habis-habisan. Sekiranya berlaku keretakan di mana-mana, perlulah diperbaiki dengan musyawarah dan muafakat bersama, tegas beliau.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 5719
 No. Penerimaan 25/86

"Sebagai tanda penghargaan kita yang paling bererti ialah menjadikan kewajipan serta tanggungjawab kita, khususnya para pemimpin parti komponen Barisan Nasional, memastik-kan asas dan infrastruktur yang dibina oleh Tunku terus kukuh dan kekal," ujarnya di majlis sambutan hari-jadi bekas Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman di sini, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir memohon maaf secara terbuka terhadap segala kata kesat dan tindakan yang biasa beliau lakukan kerana perbezaan pendapat dengan Tunku.

Peralat

"Walaupun pada umumnya mungkin ada perbezaan pendapat antara saya dengan Tunku, tetapi amnya saya bersetuju dengan dasar perpaduan nasional yang diperjuangkan oleh beliau dan saya akan teruskan dasar ini," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, musuh paling besar ialah kata-kata, kegiatan dan tindakan yang boleh menyala-kan api perkauman dan yang bertentangan dengan kepentingan nasional.

"Tunku tidak pernah bermain-main dengan politik, apa lagi politik perkauman. Kita juga tidak seharusnya cuba bermain politik, lebih-lebih lagi memeralatkan politik untuk kepentingan diri dan kelom-

'Tunku seorang putera Malaysia tulen'

● Dari Muka 1

pok, untuk mempertahankan kekuasaan dan memperkayakan diri sendiri," tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kestabilan politik dan ketenteraman negara adalah hasil usaha terbesar Tunku.

Selagi parti campuran yang diasaskan oleh Tunku dalam tahun 1962 berkuasa, dasar dan prinsip perjuangan Tunku akan dikekalkan.

Mensifatkan Tunku sebagai seorang putera Malaysia yang tulen, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, cita-cita dan tindak-tanduk Tunku sentiasa mengutamakan kepentingan nasional, lebih daripada kepentingan sempit untuk kaumnya sendiri.

"Bellau tidak pernah takut dan sentiasa bersedia menerima kritikal dan hukuman demi kepentingan nasional.

"Bellau bukan sahaja tidak mendapat faedah kebendaan peribadi daripada jerih-payah perjuangan ini, malah harta miliknya sendiri dikorbankan demi perjuangan bangsa dan tanahair.

"Hidupnya sentiasa sederhana. Kesenangan dan kebahagiaannya ialah kehidupan harmoni, aman dan damai," jelas Perdana Menteri.

Menyingkap sejarah 31 tahun lalu, bellau berkata, Tunku memulakan kerjasama politik Umno-MCA bagi menghadapi pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur, terjadilah 'perkahwinan politik' yang melahirkan

Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional.

Menurutnya, tanpa disedari, Tunku sebenarnya meletakkan asas kerjasama politik dan asas perpaduan rakyat yang menyebabkan kestabilan politik sepanjang suku abad ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keberanian Tunku mencipta kerjasama ini tidak boleh dipertikaikan.

Perdana Menteri berkata, hari ini apa yang dilakukan oleh Tunku adalah langkah bijak. Sementara di negara-negara lain, penduduk berbagai kaum, ketenteraman

dan pembangunan diganggu sepanjang masa kerana sengketa kaum, di Malaysia perselisihan antara kaum adalah minimum.

Bellau berkata, Tunku telah menjadi salah seorang tokoh terpenting dalam sejarah moden Malaysia. Sumbangan bellau dalam politik negara selama hampir suku abad telah melahirkan satu zaman tersendiri dalam sejarah Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Tunku sebenarnya adalah seorang pemimpin dunia dan kejayaannya itu dibanggakan oleh semua.